

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2023, VOL 5, Bil 2, Halaman 54-64

Metodologi Penulisan Sheikh Muhammad Salim Muhaysin Dalam Kitab *al-Mustanir Fi Takhrij Al-Qiraat Min Haythu Al-Lughah Wa Al-I'rab Wa Al-Tafsir*

Sheikh Muhammad Salim Muhaysin's Writing Methodology in His Book Named Al-Mustanir Fi Takhrij Al-Qiraat Min Haythu Al-Lughah Wa Al-I'rab Wa Al-Tafsir

Nur Izzah Syahira Muhammad ^{1*}, Muhammad Syafee Salihin ² & Rohana Zakaria³

^{1 2 3} Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Selangor, Malaysia. Email: 21MT08001@kuis.edu.my, mrsyafee@kuis.edu.my, rohana@kuis.edu.my

* Penulis Penghubung: Nur Izzah Syahira binti Muhammad, Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa, 43000, Selangor, Malaysia. Email: 21MT08001@kuis.edu.my, No Tel (+ 60) 105712868

ABSTRACT

Kitab al-Mustanir fi Takhrij al-Qiraat Min Haythu al-Lughah wa Al-I'rab wa al-Tafsir by Sheikh Muhammad Salim Muhaysin is one of the useful contributions to the discipline of reading. The work focuses on takhrij qirāat asyarah which is mutawatir from the point of view of language, I'rab and tafsir. In addition, knowledge of tāwjiḥ is one of the knowledges that become a link or key in understanding a reading of qirāat. Thus, this article aims to discuss and highlight the methodology of writing the book more closely and effectively. The production of this article depends a lot on the analysis of documents sourced from the works of Sheikh Muhammad Salim Muhaysin as primary sources and qirāat books or related journals as supporting data. The results of the writing show that one of the advantages of the book is through an easy-to-understand description as well as a simple and compact language because this work does not include a lengthy discussion about other recitation problems. Therefore, it is very useful if this book is used in the world of research and education today, especially those involving the integration between qirāat and other fields of knowledge.

Keywords

Writing Methodolog, al-Mustanir; Muhammad Salim Muhaysin

ABSTRAK

Kitab *fi Takhrij al-Qirāat Min Haythū al-Lughah wa Al-Īrāb wa al-Tafsīr* karangan Syeikh Muhammad Salim Muhaysin merupakan salah satu sumbangan yang berguna kepada disiplin ilmu qirāat. Karya tersebut memberi tumpuan kepada *takhrij qirāat asyarah* yang mutawatir dari sudut bahasa, *I'rab* dan tafsir. Tambahan pula, ilmu tawjih merupakan antara ilmu yang menjadi penghubung atau kunci dalam memahami sesuatu bacaan *qirāat*. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membicarakan dan menonjolkan metodologi penulisan kitab tersebut dengan lebih dekat dan berkesan. Penghasilan artikel ini banyak bergantung kepada kajian analisa dokumen bersumberkan karya-karya syeikh Muhammad Salim Muhaysin sebagai sumber primer dan kitab-kitab qiraat atau jurnal-jurnal berkaitan sebagai data sokongan. Dapatan penulisan menunjukkan antara kelebihan kitab tersebut adalah melalui huraian yang mudah difahami serta laras bahasa yang ringkas dan padat disebabkan karya ini tidak dimuatkan perbincangan yang meleret tentang permasalahan qiraat yang lain. Oleh itu, ia sangat berguna sekiranya kitab ini dimanfaatkan dalam dunia penyelidikan dan pendidikan hari ini terutama yang melibatkan integrasi antara qiraat dan lapangan ilmu yang lain.

Keywords

Metodologi Penulisan, tawjih al-qirā'āt, Salim Muhaysin

1.0 PENGENALAN

Sarjana Islam pada era terdahulu sehingga kini sangat memberi perhatian yang teliti terhadap disiplin ilmu qiraat sehingga terhasil pelbagai karya terulung dan merangkumi segala aspek yang terkandung dalam ilmu tersebut. Sorotan kajian terhadap beberapa artikel ilmiah daripada penyelidik-penyelidik membawa pengkaji kepada penemuan penulisan berharga daripada figura qiraat kontemporari abad ke-20 iaitu Syeikh Muhammad Salim Muhaysin. Oleh yang demikian, penulisan ini akan membincangkan salah satu kitab qiraat iaitu kitab *fi Takhrij al-Qiraat Min Haythu al-Lughah wa Al-I'rab wa al-Tafsir* karya beliau. Melalui persembahan yang ringkas dan penerangan yang jelas serta padat, kitab ini menjadi rujukan utama bagi subjek Takhrij Qiraat pada peringkat sarjana Muda dan sarjana di Fakulti Adab, Jabatan Bahasa Arab, Universiti al-Khartoum, Sudan (Muhaysin M. S., 2017). Walaupun kitab ini dikategorikan sebagai karya kontemporari, akan tetapi ia boleh diketengahkan terutama kepada pemula dalam bidang qiraat kerana uslub penulisannya yang ringkas.

2.0 ILMU *TAKHRĪJ QIRĀĀT*

Menurut al-Sindi, dalam usaha memahami pengertian *takhrij al-qiraat* dan metodenya secara jelas dan tepat, metodologi takhrij hadis perlu diaplikasikan sebagai teras utama. Beliau menyatakan bahawa dalam memastikan kesahihan sanad yang merupakan antara rukun qiraat terpenting, setiap ulama qiraat mestilah mengikut dasar metode muhaddithin dalam menerima hadith dan syarat-syarat (al-Sindi, 2001/1422H).

Para ulama bidang hadis meyebutkan bahawa yang dimaksudkan dengan *takhrij* adalah menjelaskan hadith kepada orang lain dengan menyebut para perawi dalam sanadnya (al-Tahhan, 1996). Sebagai contoh, para perawi hadis yang menghimpun hadis dalam kitab dan disusun dengan sanad perawi seperti kitab Sahih Bukhari, Sahih Muslim dan Sunan Abi Dawud telah mengaplikasikan *takhrij* mengikut pengertian tersebut dalam kitab mereka. Sebagai contoh, Imam



Abu Amru al-Dani yang membentangkan bacaan setiap imam yang mengandungi lebih daripada lima ratus riwāyāh dan *tāriq* daripada tujuh *qurra'* (al-Dani, 2011).

Maksud yang seterusnya bagi *tākhrīj* adalah menunjukkan atau mengemukakan sumber asal hadis dan menyandarkan kepadanya. Ia bermaksud menyenaraikan orang yang meriwayatkan hadis daripada kitab-kitab serta menjelaskan kekuatan hukum hadisnya. *Āl-Tākhrīj* mengikut pengertian ini lebih masyhur digunakan dalam kalangan ulama hadis serta pada zaman kini (Bakkar, 1996). Contoh *tākhrīj qirāāt* yang menggunakan metode ini adalah menerusi penulisan Fikri (2009) dalam kitab beliau yang bertajuk *Tākhrīj Qirāāt Fāṭh Āl-Qādir* (Fikri, 2009).

Mengikut pandangan al-Astal *tākhrīj qirāāt* juga merupakan antara ilmu *tāwjiḥ qirāāt* kerana kebanyakan para ulama menggunakan menyebut pelbagai istilah untuk membahaskan berkenaan *tāwjiḥ* dan kesemuanya mempunyai maksud yang sama (al-Astal, 2008). Antaranya ialah:

- *Āl-Tāwjiḥ*
- *Āl-Īlāl*
- *Āl-Hūjjah*
- *Āl-Tākhrīj*
- *Āl-Īhtijāj*
- *Āl-Māānī*
- *Āl-Īntiṣār*
- *Āl-Īqnā'*

Sheikh Muhammad Salim Muhaysin dalam kitabnya *Āl-Muṣṭanir Fī Tākhrīj Āl-Qirāāt Min Ḥayṭhū Āl-Lūghah Wā Āl-Īrāb Wā Āl-Ṭafsīr* memaksudkan takhrij al-qiraat sebagai proses mengeluarkan semua kalimah al-Quran yang mempunyai lebih daripada satu qiraat lalu dihuraikan qiraat tersebut dari sudut Bahasa, Ī'rab dan tafsir serta menyandarkan qiraat tersebut kepada perawi (Aishah Juri, 2021).

3.0 BIOGRAFI SYEIKH MUHAMMAD SALIM MUHAYSIN

Nama beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Salim bin Muhaysin dan dilahirkan di *qaryah* al-Hajir, iaitu satu perkampungan pertanian yang terletak dalam bandar Faqous, Mesir tanggal 11 Februari pada tahun 1929 Masihi (Muhaysin D. M., 1978). Ayah beliau bernama Muhammad Muhammad Salim Muhaysin manakala ibunya bernama Taqiyyah Muhammad 'Atiyyah (Mohamad, Syeikh Muhammad Salim Muhaysin: Tokoh Ilmu Qirāāt di Abad ke-20, 2011). Allah s.w.t telah memberikan kurniaan yang istimewa kepada syeikh Muhammad Salim kerana beliau telah berjaya menghafaz dan membaca al-Quran dengan begitu baik sejak dari kecil lagi meskipun hidup dalam penuh kesederhanaan. Akhirnya, beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada hari Khamis 5 Mei 2001 bersamaan Sabtu 11 Safar 1422 Hijrah (Muhaysin D. M., al-Raid fi Tajwid al-Quran, 2002). Selain itu, sempena wasiat beliau sendiri, beliau dikebumikan di qaryah Raudhah al-Hajir (Mohamad, Pendekatan Penulisan Kitab al-Hadi oleh Syeikh Muhammad Salim Muhaysin, 2018)

a) Permusafiran dan Penyebaran Ilmu

Dalam lipatan sejarah, tradisi kembara ilmu oleh ulama-ulama' silam amat penting bagi menimba ilmu sebanyak yang boleh. Malahan, itulah yang dilakukan oleh Syeikh Muhammad Salim dalam menekuni pelbagai disiplin ilmu



sehingga banyak penulisan yang dihasilkan sepanjang hayat beliau. Rehlah ilmu beliau bermula di maahad al-Azhar, Kaheerah pada tahun 1945 Masihi. Sepanjang 8 tahun berada di sana, Syeikh Muhammad Salim Muhaysin mempelajari pelbagai ilmu, antaranya *Ulum Syar'iyah wal Islamiyyah*, bahasa Arab, *Qiraat Quraniyyah Mutawatirah* dan ilmu-ilmu lain yang mempunyai hubung kait dengan al-Quran seperti *Rasm* dan *Dhabt* al-Quran serta ilmu *Fawasil*. (Muhaysin D. M., al-Raid fi Tajwid al-Quran, 2002)


b) Guru-Guru Dan Anak Murid Beliau

Keilmuan yang dimiliki oleh Syeikh Muhammad Salim Muhaysin adalah merupakan hasil yang diperoleh daripada ulama-ulama hebat yang didampinginya. Sebagai contoh, beliau berpeluang menghafaz al-Quran selama enam tahun bersama ulama' yang yang terbaik pada zamannya iaitu Syeikh Muhammad Sayyid Azzab di perkampungan *Bani Soleh*. Di samping itu, beliau dengan kesungguhannya memperelokkan lagi mutu bacaan al-Quran dengan mempelajari ilmu tajwid bersama Syeikh Muhammad Mahmud di sebuah tempat yang dinamakan *Aulad Sarrar*. Beliau mula mendapat pendidikan qiraat *ilmi* secara langsung daripada gurunya yang terkemuka dan tidak asing lagi dalam dunia penyelidikan qiraat hari ini iaitu Syeikh Abdul Fatah al-Qadhi selain beliau juga tekun mempelajari aspek *ṭāwjiḥ* qiraat daripada gurunya yang bernama Syeikh Mahmud Da'bis. Maka, tidak hairanlah karya beliau yang paling dominan adalah dalam bidang qiraat.

Kehebatan Syeikh Muhammad Salim Muhaysin diwarisi oleh ramai pelajar yang datang dari pelbagai pelosok negara, antaranya ialah Prof. Dr. Ahmad Khalid Syukri: Pensyarah Jabatan Usuluddin, Fakulti Syariah di Universiti Yarmouk, Jordan. Selain itu, Syeikh Abdul Haq Abd al-Daim Syaf al-Qadhi yang bertindak sebagai pentahqiq kitab *Jamal Al-Qurra' Wa Kamal Al-Iqra'* karya Syeikh Muhammad Salim Muhaysin juga merupakan antara anak didik beliau sendiri. Seterusnya, di Malaysia antaranya ialah Prof. Madya Khairul Anuar Mohamad: Pensyarah Fakulti Quran di Universiti Islam Sains Malaysia (USIM) dan Ustaz Rudaini Harun, bekas tenaga pengajar di Maahad Tahfiz Al Quran Terengganu. (Mohamad S., 2011)

c) Mazhab Aqidah Dan Fiqh

Bagi menjawab persoalan tentang mazhab yang dipegang oleh beliau, hal ini dapat dilihat dalam penulisan beliau sendiri iaitu melalui kitab *al-Raid fi Tajwid al-Qiraat* pada halaman 91 yang menyatakan bahawa mazhab *fiqh* yang menjadi pilihan beliau ialah mazhab Syafie dan beraqidah *Ahlu Sunnah wal Jamaah* (Muhaysin D. M., al-Raid fi Tajwid al-Quran, 2002).



Sepanjang hayat beliau merupakan seorang yang berpegang teguh dengan manhaj al-Quran dan as-Sunnah sebagaimana yang ditulis dalam karya Syeikh Muhammad Salim Muhaysin sendiri.

4.0 PENGENALAN KITAB AL- MUSTANIR FI TAKHRIJ AL-QIRAAT MIN HAYTHU AL-LUGHAH WA AL-F'RAB WA AL-TAFSIR



Pengenalan kitab ini adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria berikut:

a) Nama Kitab

Syeikh Muhammad Salim Muhaysin menyatakan secara jelas nama bagi karangan beliau ini dengan nama *Āl-Mūṣṭānīr Fī Ṭākḥrīj Āl-Qīrāāt Mīn Ḥāyṭhū Āl-Lūghāh Wā Āl-Īrāb Wā Āl-Ṭāfṣīr*. Antara kenyataan beliau yang menguatkan pandangan di atas adalah pada bahagian mukaddimah halaman ke- 3 kitab ini iaitu:

(قمت بإعداد هذا البحث، وسميته : المستنير في تخریج القراءات المتواترة من حيث اللغة والإعراب والتفسير)

Maksudnya: Aku datang dengan menghasilkan perbahasan ini dan aku namakan ia dengan *Āl- Mūṣṭānīr Fī Ṭākḥrīj Āl-Qīrāāt Mīn Ḥāyṭhū Āl-Lūghāh Wā Āl-Īrāb Wā Āl-Ṭāfṣīr*.

b) Faktor Penulisan

Berdasarkan kepada penulisan Syeikh Muhammad Salim Muhaysin dalam kitab ini, antara faktor yang mendorong beliau menyempurnakan karya ini adalah kerana permintaan bagi memenuhi sukatan matapelajaran *ṭākḥrīj qīrāāt āsyārāh* di peringkat Jabatan Bahasa Arab bagi Fakulti Adab, Universiti Khartoum, Sudan kepada pelajar-pelajar di peringkat sarjana muda dan sarjana di sana. Hal ini dikuatkan lagi dengan keterangan beliau dalam bab muqaddimah iaitu:

(بناء على قرار قسم اللغة العربية بكلية الآداب جامعة الخرطوم بتاريخ 5 فبراير سنة 1574م، والخاص بتدريس تخریج القراءات العشر على طلاب قسم اللغة العربية، وطلاب امتياز الأول، والثاني، ((الماجستير)) قمت بإعداد هذا البحث.)

Maksudnya: Berdasarkan kepada ketetapan Jabatan Bahasa Arab bagi Fakulti Adab, Universiti Khartoum bertarikh 5 Februari tahun 1574 Masihi, dan khususnya bagi subjek takhrij qiraat asyarah kepada pelajar sarjana Muda dan sarjana, aku menghasilkan perbahasan ini (Muhaysin M. S., 2017).

Dalam penutup pada bahagian muqaddimah, Syeikh Muhammad Salim Muhaysin juga berharap dengan sepenuh hati agar kitab ini dapat menjadi penanda aras kepada bidang bahasa dan beliau ada menyatakan bahawa fakulti-fakulti pengajian di negara-negara Arab sepatutnya mencontohi Fakulti Adab, Universiti Khartoum yang menajdikan ilmu qiraat termasuk dalam asas pembelajaran bahasa sepertimana syair dan puisi-puisi terdahulu.

c) Metodologi Penulisan Kitab *Al- Mustanir Fi Takhrij Al-Qiraat Min Haythu Al-Lughah Wa Al-Īrab Wa Al-Tafsir*

Kitab *Āl- Mūṣṭānīr Fī Ṭākḥrīj Āl-Qīrāāt Mīn Ḥāyṭhū Āl-Lūghāh Wā Āl-Īrāb Wā Āl-Ṭāfṣīr* yang berada dalam simpanan pengkaji mempunyai sebanyak 3 juzuk yang dicetak oleh *Makṭābah Āulād āṣ-Ṣyeikh lil-Ṭūrāṭh* (cetakan kedua) dengan jumlah halamannya mengambil kira keseluruhan bilangan muka surat yang ada sebanyak 832 halaman.

JUZUK	JUMLAH HALAMAN
1	309
2	255
3	268



Berikut merupakan perincian penjelasan kandungan kitab dengan mengikut susunan juzuk:

JUZUK	KANDUNGAN SURAH
1	Surah Al-Fatihah- Al-Kahf
2	Surah Maryam- Yasin
3	Surah As-Saffat-Al-Falaq

- i. **Juzuk Pertama:** Juzuk pertama buku ini membahaskan tentang khilaf qiraat bermula daripada surah al-Fatihah sehingga al-Kahf. Juzuk pertama ini juga boleh dikategorikan kepada dua bahagian yang utama, iaitu penulisan muqaddimah dan perbahasan khilaf-khilaf mengikut tertib surah dalam al-Quran. Dalam juzuk ini terdapat lebih kurang 326 khilaf (perbezaan) qiraat yang akan dibahaskan dari sudut bahasa, I'rab dan tafsir.

Bahagian Pertama: Syeikh Muhammad Salim Muhaysin memulakan muqaddimah dengan pembukaan segala puji kepada Allah SWT terhadap segala nikmat-Nya serta menerangkan faktor yang menjadi pendorong kepada beliau dalam menyiapkan karya beliau. Pada bahagian muqaddimah, beliau memuatkan dua perbahasan penting iaitu ringkasan tentang *qurra' asyarah* (qiraat sepuluh) yang mutawatir dan *ta'rif* ringkas tentang rawi-rawi *qurra' asyarah*.

- Ringkasan Tentang Qurra' Asyarah Yang Mutawatir

Contohnya:

Imam 'Asim al-Kufi

Nama beliau ialah Asim bin Bahdalah Abi Al-Najjud Al-Asadi dan juga dipanggil Abu Bakr serta merupakan seorang tabiin. Beliau merupakan seorang Shaykh al-Qurra' dan merupakan orang yang paling baik bacaan al-Quran. Imam Asim wafat pada tahun 127 Hijrah di Kufah.

- Biodata Ringkas Tentang Perawi Qurra' Asyarah

Syeikh Muhamamd Salim Muhaysin memulakan perbahasan ini dengan menyatakan bahawa setiap *qurra' asyarah* mempunyai dua orang rawi dan jumlah mereka secara keseluruhan adalah 20 orang.

Contohnya:

Rawi kepada Imam Asim adalah imam Shu'bah dan Hafis.

Qurra' : Imam Asim Al-Kufi		
NAMA	Imam Shu'bah	Imam Hafis
	Abu Bakar Syukbah Bin 'Ayyash Bin Salim Al-Kufi	Abu Umar Hafis Bin Sulaiman Al-Mughirah Al-Asadi Al-Kufi
KUNYAH	-	Abu Umar
TARIKH LAHIR-WAFAT/ TEMPAT WAFAT	95-193 Hijrah di Kufah	90-180 Hijrah



Bahagian kedua: Kandungan buku ini yang mula membahaskan tentang *takhrij* qiraat dari sudut I'rab, bahasa dan tafsir mengikut tertib surah beserta ayat dan ia dimulakan dengan kalimah **مالك** dalam surah al-Fatihah.

- ii. **Juzuk Kedua:** Kandungan juzuk ini dimulakan dengan perbahasan khilaf qiraat pada kalimah **ويرثي**, ayat keenam surah Maryam dan berakhir dengan perbincangan khilaf qiraat pada kalimah **بقادر** yang terdapat dalam surah Yasin ayat yang ke-81. Wajah qiraat yang ditakhrijkan dalam juzuk ini terdapat sebanyak 271 kalimah.
- iii. **Juzuk Ketiga:** Susunan isi kandungan juzuk tiga juga adalah sama sepertimana dengan 2 juzuk yang dinyatakan sebelumnya. Ia dimulakan dengan penerangan wajah qiraat pada kalimah **زينة الكواكب**, ayat keenam surah as-Saffat dan berakhir dengan perkataan **النفاثات** pada surah al-Falaq ayat yang keempat. Selain itu, khilaf qiraat yang dibincangkan dalam juzuk ini terdapat sebanyak 107 khilaf farsy huruf mengikut susunan ayat al-Quran.

5.0 MANHAJ PENULISAN KITAB AL- MUSTANIR FI TAKHRIJ AL-QIRAAT MIN HAYTHU AL-LUGHAH WA AL-I'RAB WA AL-TAFSIR

Syeikh Muhammad Salim Muhaysin mempersembahkan kitabnya mengikut manhaj-manhaj beliau tersendiri seperti yang dinyatakan dalam bab muqaddimah, iaitu:

- i. Menulis kalimah-kalimah al-Quran yang mempunyai lebih daripada satu qiraat mengikut tertib surah dan nombor ayat. Hal ini dapat dilihat menerusi juzuk pertama yang dimulakan dengan surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah al-Falaq dalam juzuk ketiga. Sebagai contoh pada halaman 13 dalam juzuk yang pertama, beliau menulis nama surah terlebih dahulu diikuti dengan potongan ayat keempat surah al-Fatihah sebelum menghuraikan dengan lebih lanjut berkenaan khilaf *farsy* huruf surah tersebut.
- ii. Syeikh Muhammad Salim Muhaysin juga mensyarahkan setiap *mufradat lughawiyah* dan *gharibah* yang dikeluarkan.

Tamsilnya, pada halaman 50 juzuk yang pertama dalam ayat yang ke-229 surah al-Baqarah,

﴿ وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا بِمَا ءَاتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ يَخَافَا أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ ۚ ۲۲۹ ﴾

المفردات : حدود الله : ما فرض الله من القيام بواجبات الزوجية

Beliau mensyarahkan kalimah **حدود الله** dengan makna apa yang ditetapkan oleh Allah S.W.T tentang kewajipan-kewajipan dalam perkahwinan. Seterusnya, contoh *mūfrādāt ghārībāh* ialah kalimah **رفث** yang bermaksud *jima'* pada surah al-baqarah ayat 197 pada muka surat 43 juzuk yang pertama,



﴿فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ ۗ﴾ ١٩٧

المفردات الغريبة: رفث : الجماع

- iii. Di samping itu, beliau juga akan memasukkan perbahasan *I'rab* bagi ayat-ayat al-Quran yang terlibat. Sebagai contoh, ayat keempat surah al-Fatihah (halaman ke-13):

﴿مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ۚ﴾ ٤

BIL	KALIMAH	I'RAB
1	مَلِكِ	صفة لله تعالى ، وصفة المجرور مجرور ، وهو مضاف
2	يَوْمِ	مضاف إليه ، من إضافة اسم الفاعل لمفعوله ، ويوم مضاف
3	الدِّينِ	مضاف إليه مجرور بالكسرة الظاهرة

- iv. Beliau juga menasabkan setiap qiraat sepuluh yang mutawatir itu kepada *qurra'* dan *mentawjihkan* setiap qiraat yang dibahaskan. Sebagai contoh, pada ayat ke-164 surah al-Baqarah,

﴿وَتَصْرِيفِ الرِّيحِ ۗ﴾ ١٦٤

KALIMAH	KHILAF QIRAAT	QURRA'	TAWJIH
الرِّيحِ	Hamzah, Kisaie, Khalaf Asyir	Matikan huruf Ya' dan hazaf huruf Alif selepasnya	Menunjukkan Mufrad
	Baki Qurra'	Fathah Ya' dan menambah huruf Alif selepasnya	Menujukkan Jama'

- v. Menunjukkan makna yang dimaksudkan bagi setiap ayat al-Quran yang dibincangkan setelah dibahaskan dari sudut *mufradat*, *I'rab* dan *tawjih* qiraat. Contoh yang terdapat pada ayat 71, surah (m/s 300)

﴿فَانطَلَقَا حَتَّىٰ إِذَا رَكِبَا فِي السَّفِينَةِ خَرَقَهَا قَالِ أَخْرَقْتَهَا لِتُغْرِقَ أَهْلَهَا لَقَدْ جِئْتِ شَيْئًا إِمْرًا ۗ﴾ ٧١

<p>1. MUFRADAT :</p> <p>أخرقتها :أحدثت فيها ثقباً</p>

2. I'RAB

قَالَ	أَخْرَفَتْهَا	لِئْتَعْرِقَ	أَهْلَهَا
فعل ماض	همزة استفهام انكاري	فعل مضارع منصوب بأن مضمرة بعد لام التعليل	مفعول به مضاف إليه

3. TAWJIH QIRAAT

KALIMAH	KHILAF QIRAAT	QURRA'	TAWJIH
لِئْتَعْرِقَ أَهْلَهَا	Fathah Ya' dan Ra' serta rafa' lam (ahlaha)	Hamzah, Kisaie, Khalaf Asyir	من تحت
	Dhommah Ta' dan kasrah ra' serta nasab lam (ahlaha)	Baki Qurra'	من فوق

MAKNA: Ketika Saidina Musa a.s berjalan menaiki sebuah kapal bersama Nabi Khidir, setibanya di tengah lautan Nabi Musa melihat Nabi Khidir menghancurkan salah satu papan kapal sehingga berlubang, maka apabila dilihat perkara itu berlawanan dengan adat kebiasaan manusia sekaligus Saidina Musa menyoal Nabi Khidir apakah sebab dilubangkan kapal tersebut dan baginda melupakan persetujuan antara keduanya lalu berkata “*Sesungguhnya kamu telah melakukan kesalahan yang besar*” قَالَ أَخْرَفَتْهَا لِئْتَعْرِقَ أَهْلَهَا لَقَدْ جِئْتَ شَيْئًا إِمْرًا



vi. Pada setiap khilaf qiraat yang dibahaskan, beliau akan memuatkan potongan bait matan al-Jazari pada bahagian nota kaki.


Contohnya:

Pada halaman 17 juzuk yang pertama, beliau memuatkan bait matan tentang khilaf qiraat pada kalimah فَأَزَلْهُمَا and آدم.

#قال ابن جزري: وأزال في أزل فوز

#قال ابن جزري: وآدم انتصاب الرفع دل

Di samping itu, beliau sangat konsisten dalam mematuhi metodologi-metodologi yang disebutkan bermula daripada juzuk pertama sehingga juzuk yang ketiga. Secara umumnya metodologi penulisan *tākhrij* qiraat Syeikh Muhammad Salim Muhaysin dalam kitab ini dapat dirumuskan dalam kerangka seperti berikut:



6.0 KESIMPULAN

Intihanya, kitab *al- Mustanir Fi Takhrij Al-Qiraat Min Haythu Al-Lughah Wa Al-I'rab Wa Al-Tafsir* dipersembahkan oleh Syeikh Muhmmad Salim Muhaysin dengan begitu tersusun dan jelas cara penyampaiannya memandangkan pada bahagian muqaddimah, beliau sudah menyatakan bahawa karya beliau yang ini tidak memuatkan perbincangan yang terperinci berkenaan khilaf-khilaf antara *qurra'* kerana semua itu sudah dijelaskan dengan mendalam menerusi dua kitab beliau yang lain iaitu kitab *al-Muhazzab fi al-Qiraat al-Asyara* dan *al-*



Irsyadat al-Jaliyyah fi al-Qiraat al-Sab'a. Cara ini akan membuatkan para pembaca lebih santai kerana mereka dapat menganggarkan secara umum isi kandungan kitab.

Beliau juga konsisten dalam membahaskan aspek *tāwjiḥ* qiraat apabila melibatkan ayat yang sama meskipun dalam kitab yang berbeza (Mohamad D. S., 2021). Di samping itu, karya ini begitu penting serta sangat bermanfaat andai diguna pakai sebaiknya oleh para penuntut ilmu qiraat khususnya memandangkan wajah-wajah qiraat yang dimuatkan dalam kitab ini adalah mutawatir dan sahih sahaja sekaligus memudahkan para pengkaji atau penuntut fokus dalam pencarian maklumat berkenaan ilmu qiraat.

Usaha bagi mengkaji dan mentelaah metodologi Syeikh Muhammad Salim Muhaysin wajar dilakukan agar dapat membantu para penuntut memahami *manhaj* penulisan kitab-kitab beliau dengan lebih jelas memandangkan karya-karya beliau daripada bidang qiraat masih belum diterokai sepenuhnya. Penulis berharap agar dengan penulisan ini dapat membuka ruang dan minda para penyelidik serta penuntut ilmu agar lebih berusaha dalam menelaah karya-karya ulama kontemporari bagi membongkar segala khazanah ilmu yang berharga bagi disebarkan kepada masyarakat. Tidak sewajarnya bagi kita hanya menjadi pemerhati sahaja tanpa mencabar diri bagi memudahkan agar ilmu qiraat khususnya mudah dihadam dalam kalangan masyarakat sejajar dengan usaha melahirkan ummah yang celik dan akrab dengan al-Quran.

RUJUKAN

- Aishah Juri, H. H. (2021). *Qiraat al-Quran dalam Tafsir Ibnu Kathir*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Astal, A. a.-B. (2008). *Manhaj Imam Syaokani fi ard al-qiraat fi tafsirihi fath al-qadir al jami' bayna fanni al-riwayah wa al-dirayah*. ghazah: kuliyyah usul al-din, al-jamiah al-islamiyyah.
- al-Dani, A. A. (2011). *Al-Mufradat al-Sab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Sindi, A. a.-Q.-G. (2001/1422H). *Safahat fi Ulum al-Qiraat*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah al-Imdadiyyah.
- al-Tahhan, M. (1996). *Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*. Riyadh: Maktabah al-Maarif li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Bakkar, D. M. (1996). *Ilm Takhrij al-Ahadith Usuluhu Taraiquhu Manaijuhu*. Riyadh: Dar al-Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Fikri, I. (2009). *Takhrij Qiraat Fath al-Qadir*. Kaherah: Maktabah al-Islamiyyah.
- Mohamad, D. S. (2021). *Biodata Syeikh Salim Muhaysin*. Selangor.
- Mohamad, S. (2011). Syeikh Muhammad Salim Muhaysin: Tokoh Ilmu Qiraat di Abad ke-20. *Jurnal Usuluddin*, 22.
- Muhaysin, D. M. (1978). *al-Tazkirah fi al-Qiraat al-Thalath al-Mutawatirah wa Tawjihaha min Tariq ad-Durrah*. Kaherah: Maktabah al-Kaherah.
- Muhaysin, D. M. (2002). *al-Raid fi Tajwid al-Quran*. Kaherah: Dar Muhaysin.
- Muhaysin, M. S. (2017). *al-Mustanir fi Takhrij al-Qiraat al-Mutawatirah*. Kaherah: Maktabh Aulad as-Syeikh.